

Pimpinan: Pemuda tetap patuh, kata Suhaimi

ALOR SETAR, Jumaat — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia akan menyanjung tinggi serta patuh kepada sesiapa saja pemimpin yang dipilih oleh perhimpunan agung sebagai orang yang memegang teraju pimpinan parti, kata ketua pergerakannya Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin.

Berucap di pembukaan kursus politik Pemuda UMNO Malaysia oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di sini hari ini beliau berkata pemuda UMNO merupakan askar kepada pucuk pimpinan parti.

"Kami berikrar akan sekata dan sealign dengan pucuk pimpinan parti dan oleh yang demikian Datuk Seri Dr Mahathir yang bakal menjadi Presiden UMNO tidak perlu kuatir dengan pergerakan Pemuda," katanya.

Datuk Haji Suhaimi berkata pucuk pimpinan parti hendaklah jangan ragu-ragu menggunakan tenaga yang ada kepada Pemuda sepenuhnya bagi mencapai cita-cita murni UMNO demi kepentingan masyarakat Melayu negara ini.

Beliau memberi jaminan sebagai sayap kanan UMNO, Pemuda akan melaksanakan apa saja tanggungjawab dan

peranan yang diarah asalkan dasar-dasar tersebut sesuai dengan kehendak Islam dan memastikan DEB dan Dasar Pelajaran Kebangsaan tercapai menjelang 1990.

Katanya keinginan dan hasrat Pemuda mahu melihat UMNO terus sebagai parti yang berkuasa di negara ini bukan kerana "kami mabuk atau gila kuasa."

"Perlu ditegaskan Pemuda UMNO ialah barisan pemimpin komited kepada pelaksanaan keseluruhan dua dasar tersebut yang menjadi tunggak perjuangan kita," ujarnya.

Terdahulu dari itu Pengerusi Jawatankuasa kursus tersebut Datuk Mohamed Najib Tun Abdul Razak berkata ahli-ahli Pergerakan Pemuda merupakan pewaris-pewaris yang dipertanggungjawab mengekalkan amanah yang disediakan oleh pejuang-pejuang sebelumnya.

Katanya, menjadi tugas dan tanggungjawab Pemuda meletakkan UMNO agar setiasa berada di satu tahap tinggi mulla di samping memastikan UMNO terus merupakan sebuah parti politik yang dapat melaksanakan dasar dan tugasnya sealign dengan zaman serta kepentingan politik orang Melayu khasnya dan rakyat keseluruhannya.